

NO.SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 12.03.2014 (SELASA)

**DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- a) Berapa ramaikah pemborong, pembekal dan peruncit barang kawalan dan barang bukan kawalan yang telah diambil tindakan kompaun dan perundangan kerana sengaja menaikkan harga barang berlebihan pada tahun ini; dan

- b) Sejauh manakah proses perundangan yang telah diambil terhadap mereka yang menaikkan harga barang bukan kawalan secara sewenang-wenangnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha untuk memastikan harga barang di pasaran dijual pada harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh rakyat.

Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan diambil jika peniaga gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan termasuk sengaja menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya. Dari 1 Januari sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 254,407 pemeriksaan telah dilaksanakan di bawah akta ini dan 1,510 kes dihasilkan. Jumlah nilai rampasan adalah sebanyak RM 249 ribu dan nilai kompaun berjumlah RM124 ribu.

Selain daripada itu, bagi tempoh yang sama, Kementerian telah mengeluarkan 89 notis kepada peniaga bagi mendapatkan sebab-sebab kenaikan harga.